

Dr Mahathir berhak umum Malaysia negara Islam

BH 17 JUN 2002
Oleh Mohd Anwar
PathoRohman

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhak mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Malah, katanya, perkara itu tidak menyalahi Akta Hasutan 1948, Akta Ketenteraman Awam 1958 dan

Perlembagaan Persekutuan.

"Perdana Menteri berhak mengumumkan Malaysia sebagai negara Islam berdasarkan faktor realiti yang menunjukkan majoriti penduduk mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan, aspek budaya dan sosio-ekonomi, pentadbiran serta sejarah kewujudan pemerintahan kesultanan Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika diminta mengulas mengenai hasrat Naib Pengerusi DAP Kebangsaan, Karpal Singh untuk mendapatkan perisytiharan kehakiman jika Perdana Menteri terus mengulangi pengumuman bahawa Malaysia adalah negara Islam kerana mendakwa bercanggah dengan Artikel 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Karpal dilaporkan sebagai berkata, Dr Mahathir tidak boleh secara satu pihak saja mengisytiharkan

Malaysia sebagai negara Islam kerana Artikel 3(1) jelas menyatakan Malaysia sebagai negara sekular dengan Islam sebagai agama rasmi.

Berikutan itu, beliau meminta Peguam Negara, Datuk Abdul Ghani Patail yang juga penasihat undang-undang kerajaan, menasihati Perdana Menteri mengenai kesan serta realiti Artikel 3(1).

Rais yang dihubungi *Berita Harian* hari ini, berkata

Malaysia memang sudah dilihat sebagai negara Islam, malah corak pentadbiran dan nilai-nilai Islam sudah diamalkan di negara ini sejak 1983.

"Ini adalah fakta yang penting dan harus diambil kira sebelum perisytiharan sebagai negara Islam," katanya.

Bagaimanapun, katanya, aduan atau tindakan kehakiman boleh dilakukan jika pihak terbabit tidak berpuas hati dan beranggapan

mempunyai bukti atau hujah perundangan bagi menghalang perisytiharan itu.

Katanya, kenyataan Karpal itu tidak lebih sebagai gimik politik bagi menghidupkan bara api DAP yang kian malap'.

"Dalam perkara ini, Karpal dilihat tidak lebih sebagai cuba mempolitikkan isu negara Islam kerana pengaruh DAP yang semakin merosot.

"Jika dia (Karpal) ingin

mengambil tindakan dengan membuat aduan kepada Jabatan Peguam Negara atau Peguam Negara, kita bersedia untuknya," katanya.